

# Guru sebagai pembimbing, pembentuk sahsiah pelajar

UB 21/4/2011 B4

MINDA PENDIDIK  
MUHAMAD SUHAIMI TAAT



Bersama:  
Mohd Yusof Abdullah, Bahrom Mohamad,  
Roslee Talip, Abdul Said Ambotang  
dan Shukri Zain

**D**EWASA ini kerap terpampang di dada akhbar berita berkaitan guru dicederakan oleh pelajar sekolah di seluruh negara. Mungkin banyak tafsiran yang boleh dibuat berkaitan fenomena itu, ada yang menyalahkan pelajar yang melakukan jenayah berkenaan dan tidak kurang juga yang menudung jari terhadap kurangnya kemahiran dan pengetahuan guru untuk mengendalikan masalah disiplin di sekolah. Semua masalah mempunyai puncanya, namun untuk mengenal pasti punca sebenar pelajar mencerderkan guru bukanlah satu perkara mudah kerana proses pendidikan seseorang pelajar melibatkan pelbagai pihak seperti pihak kerajaan, pentadbir sekolah, guru-guru, ibu bapa, dan juga masyarakat. Di ruang yang terhad ini, penulis ingin melihat dan membahaskan isu berkenaan dari satu daripada aspek pendidikan iaitu peranan guru dalam mendekati dan membimbing pelajar dan apa yang lebih penting ialah usaha untuk membentuk sahsiah pelajar selaras dengan apa yang terkandung dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Siapakah guru sebenarnya? Istilah guru amatlah luas definisinya kerana istilah ‘guru’ telah diguna pakai sejak dahulu, namun secara ringkasnya guru merupakan individu yang sepatutnya menyampaikan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar dan berupaya untuk membentuk sahsiah atau personaliti pelajar. Guru juga seharusnya melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu umum pendidikan seperti psikologi, sosiologi, pedagogi, dan falsafah pendidikan dan juga ilmu ikhtisas yang berkaitan dengan mata pelajaran yang diajar. Namun, untuk menjadi seorang guru yang berkesan hendaklah memiliki beberapa kemahiran tertentu. Antara kemahiran itu ialah; memiliki kemahiran interpersonal iaitu kebolehan untuk berinteraksi dan

bekerjasama dengan orang lain, kemahiran lisan iaitu kebolehan bercakap dengan berkesan, kemahiran mendengar dan mencerap iaitu kebolehan menganalisis berita, fakta atau maklumat secara simpati atau empati, kemahiran perantara iaitu kebolehan mengukuhkan dan mengekalkan kontak mata, pergerakan secara semula jadi dan menggunakan bahasa dengan laras bahasa yang sesuai, kemahiran menganalisis iaitu kebolehan untuk memahami dan mentafsir maklumat, kemahiran menyelesaikan masalah iaitu kebolehan mengendalikan masalah-masalah yang tidak dijangka secara membina, dan kemahiran maklum balas iaitu berkebolehan memberikan respons dengan idea yang bernes dan berkualiti.

Di samping itu, guru yang berupaya menjadi pembimbing yang baik dan berkesan juga perlu memiliki sifat-sifat berikut; berteknologi iaitu keupayaan melakukan kerja dengan penuh minat dan bersemangat, komitmen iaitu berupaya memberikan kerjasama dan menepati masa, keikhlasan iaitu jujur dan tulus hati tanpa mengharapkan sebarang ganjaran atau balasan, penampilan diri iaitu berupaya menampilkan sikap yang diharapkan sebagai model, pengurusan diri iaitu kemampuan melakukan kerja dengan berkesan walaupun tanpa sebarang penyeliaan, dan objektif diri iaitu kemampuan mendapatkan dan menerima maklum balas.

Ke arah mewujudkan budaya sekolah berkesan dan penyayang yang boleh membantu ke arah pembentukan positif sahsiah pelajar, antara aspek utama yang perlu diberi penekanan adalah guru sebagai pembimbing. Guru adalah pembimbing pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana guru bertanggungjawab menentukan tujuan atau matlamat yang sesuai dengan keperluan serta kemampuan pelajar. Guru perlulah menunjukkan sikap sentiasa mengambil berat dan memberikan perhatian kepada semua pelajar. Guru juga seharusnya bijak memainkan peranan mendekati pelajar atau mudah didekati pelajar bagi membentuk sifat penyayang-

antara guru dan pelajar. Selain itu, guru perlu bersikap sabar dan tenang, sesuai dengan etika perguruan sama ada di dalam ataupun di luar bilik darjah. Malah, guru juga berkewajipan menyelesaikan pelbagai masalah pelajar khususnya yang terlibat dalam pelbagai masalah disiplin, dengan penuh kebijaksanaan. Sekiranya terpaksa melaksanakan dendaan atau hukuman, seharusnya dijalankan dengan mengikuti peraturan, bijaksana, dan betul-betul dapat memberikan kesedaran kepada pelajar. Keadaan seperti ini menuntut sikap guru yang prihatin, rasional, dan profesional dalam mengatasi masalah pelajar.

Menurut pakar pendidikan Islam, antara istilah yang sesuai bagi menggambarkan peranan seorang guru adalah kalimah ‘murabbi’. Kalimah ‘murabbi’ membawa maksud mengajar, memelihara dan memberi bimbingan secara holistik kepada pelajar. Guru berkesan juga seharusnya memiliki salah satu ciri pendidik yang wujud dalam diri baginda Rasulullah SAW iaitu sifat ‘fatonah’ (bijaksana). Kebijaksanaan yang dimaksudkan adalah memiliki kebijaksanaan dari aspek kognitif dan juga efektif. Maka, seorang insan guru berkesan hendaklah selain daripada menguasai ilmu berkaitan pedagogi atau kaedah pengajaran, seharusnya juga bijaksana dalam menguruskan pelbagai karenah pelajar sama ada di dalam dan di luar bilik darjah, serta bijaksana berinteraksi dengan para pelajarnya agar bukan sekadar objektif pengajarannya dapat dicapai, malah pembentukan pelajar yang lebih holistik dapat direalisasikan.

Justeru para guru atau pendidik, walau apa pun jua gelarannya seharusnya mengetahui dan memahami bahawa tugas mereka tidak hanya selesai apabila telah berakhirnya proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah, malah lebih daripada itu. Guru dituntut untuk memberi bimbingan berterusan kepada pelajarnya walaupun mungkin sehingga di luar kawasan sekolah apatah lagi sekiranya pelajar ingin meminta bimbingan atau panduan berkaitan

hal akademik atau lain-lain. Guru juga adalah sebagai contoh teladan yang baik dari sudut budi pekerti dan akhlak kepada pelajar kerana seorang guru sepatutnya menjadi ‘qudwah’ atau ‘insan mithali’ bukan sahaja kepada semua pelajar, malah kepada semua warga sekolah. Pendidikan budi pekerti adalah jiwa dari pendidikan sejati, dan mencapai suatu sahsiah atau akhlak yang sempurna adalah tujuan sebenarnya dari pendidikan. Menurut pakar pendidikan, selain dari mampu merancang dan melaksanakan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran dengan baik dan teratur, guru juga sepatutnya bijak dalam mewujudkan interaksi berkesan antara guru dengan pelajar sehingga di luar bilik darjah, mahu pun di luar sekolah kerana perhubungan antara guru dengan pelajarnya merupakan satu ‘ukhwah’ atau persaudaraan yang berkekalan sehingga ke akhir hayat. Justeru, bimbingan yang berterusan seharusnya diberikan oleh seorang guru kepada para pelajarnya tanpa mengira tempat dengan hati yang ikhlas dan fikiran yang terbuka. Selagi seseorang guru itu bersifat seseorang yang tidak mempunyai wajah pendidik sejati, seorang individu tanpa peribadi yang mesra, dan tidak berupaya memberikan respons dengan penuh empati terhadap keperluan pelajarnya, maka guru tersebut boleh dikatakan tidak berfungsi dengan baik. Oleh itu, selain buku teks dan sumber pengajaran yang berkualiti, serta latihan yang baik, seseorang guru sepatutnya mempunyai peribadi mulia dan mesra terhadap anak-anak didiknya, serta boleh memberikan respons kepada pelajarnya dengan penuh kesungguhan. Akhirnya adalah diharapkan dengan ciri-ciri dan sifat-sifat mulia dan positif yang dimiliki oleh guru, maka diharapkan masalah disiplin dan pembentukan sahsiah pelajar akan dapat dipertingkatkan demi kebaikan atau manfaat semua pihak.

\* Penulis adalah Pensyarah di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah